

Keberkesanan Pengiklanan Transit Pada Badan Bas Awam
(Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru)

Fazlin Bt Yatimin

98430709

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik

1. Diperiksa oleh Tarikh
2. Diperiksa oleh Tarikh
3. Diperiksa oleh Tarikh

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

SINOPSIS

Latar Belakang Kajian

Bas awam merupakan satu kemudahan utama bagi orang ramai untuk bergerak ke sana-sini. Kewujudan pengiklanan transit sedikit sebanyak menjadikannya lebih menarik dan bermakna. Penggunaan elemen seni reka grafik dalam iklan memainkan peranan yang amat penting untuk menjadikan sesuatu iklan itu kelihatan ceria dari segi keselesaan penglihatan orang ramai. Tambahan pula ia dapat membantu mereka untuk mendapatkan maklumat tertentu melaluinya.

Walau bagaimanapun tidak ramai yang mengetahui tentang pengiklanan transit ini. Oleh itu, dengan adanya kajian mengenai pengiklanan transit pada badan bas awam di Bandaraya Johor Bahru ini, masyarakat akan memahami dengan lebih mendalam lagi.

Elemen seni reka grafik yang digunakan meliputi tipografi, imej, warna dan reka letak. Kesemua elemen ini dipersembahkan dengan gaya yang tersendiri pada setiap iklan di badan bas awam. Oleh itu, kita boleh melihat bermacam-macam reka bentuk iklan melalui pengolahan elemen seni reka grafik yang digunakan. Iklan yang biasa dipamerkan ialah iklan kempen, iklan produk barangan, iklan hiburan, iklan makanan dan sebagainya.

Pengiklanan transit pada badan bas awam sebagai salah satu cara mempamerkan iklan adalah suatu strategi yang lebih murah kadar kos

perbelanjaannya jika dibandingkan dengan penggunaan bilbord. Ia lebih berkesan kerana iklan-iklan yang dipamerkan sering bergerak mengikut laluan yang telah ditetapkan di mana ini akan dapat mendedahkan iklan kepada orang ramai. Hasil daripada iklan ini, pengeluar (pengiklan), agensi pengiklanan, masyarakat, syarikat pengangkutan dan negara akan mendapat faedahnya.

Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi mencari kepentingan elemen seni reka grafik dalam menghasilkan sesuatu iklan. Secara khususnya pula, ia bertujuan untuk mencari sejauh mana keberkesanan pengiklanan transit pada badan bas awam terhadap orang ramai. Memandangkan kadar kepadatan penduduknya yang tinggi di samping permintaan terhadap pengangkutannya juga tinggi. Antara ciri-ciri kajian yang akan dijalankan adalah seperti meneliti dan mengkaji bentuk-bentuk elemen seni reka grafik yang digunakan dalam menghasilkan sesuatu iklan mengikut kesesuaian sama ada dari segi reka bentuk dan fungsi.

Selain itu, mengkaji kepentingan pengiklanan transit kepada lima pihak yang terlibat iaitu pengeluar (pengiklan), agensi pengiklanan, masyarakat, syarikat pengangkutan dan negara serta mengkaji keberkesanan pengiklanan transit pada badan bas awam terhadap masyarakat. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan pengiklanan transit dan mencari identiti sesuatu rekaan iklan itu dapat ditentukan mengikut kehendak masyarakat.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif tertentu. Melalui kajian ini kita dapat mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap istilah pengiklanan transit dan peka terhadap mesej-mesej yang diiklankan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap pengaruh pengiklanan transit kepada lima pihak yang terlibat serta keberkesanannya terhadap masyarakat..

Dengan dapatan daripada kajian ini juga, elemen seni reka grafik seperti tipografi, imej, warna dan reka letak merupakan empat elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu iklan. Ia menjadikan iklan itu mudah dibaca, difahami, dihayati dan menjadi daya penarik kepada orang ramai yang melihatnya. Melalui kajian ini juga dapat mengenalpasti jenis-jenis iklan, media dan alatan yang digunakan dalam menghasilkan iklan. Oleh itu, hasil daripada kajian ini dapat digunakan untuk mempertingkatkan pemahaman masyarakat terhadap pengiklanan transit pada badan bas awam.

Hasil daripada segala dapatan kajian di atas, akan menjawab segala kemusykilan orang ramai terhadap pengiklanan transit. Selain daripada mendapat bukti keberkesanan pengiklanan transit di Bandaraya Johor Bahru, kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk memenuhi kehendak di dalam penghasilan Ijazah Seni Lukis dan Seni Reka UiTM.

Kaedah Dan Metodologi

Beberapa kaedah dan metodologi digunakan bagi memperolehi informasi-informasi yang berkaitan dengan bidang kajian yang dipilih. Oleh itu secara umumnya, pengumpulan data dan bahan-bahan dalam penyelidikan ini terbahagi kepada tiga sumber utama iaitu temubual dan wawancara, soalan kaji selidik serta pemerhatian.

Melalui kaedah penyoalan iaitu temubual dan wawancara dengan responden seperti pengeluar (pengiklan), agensi pengiklanan, audien dan syarikat pengangkutan yang terlibat secara langsung dengan media pengiklanan. Ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat bagi memperkukuhkan penulisan tesis ini. Antaranya ialah Ad On Bus Sdn. Bhd. di Subang Jaya, Selangor, AOB Digital Sdn. Bhd. di Puchong, Selangor, Syarikat Pengangkutan Maju Berhad di Larkin, Johor Bahru dan Jabatan Pengangkutan Jalan, Johor Bahru.

Kaedah ke dua penghasilan tesis adalah berdasarkan soal selidik sebanyak sepuluh soalan yang dilakukan terhadap responden yang bekerja, penuntut dan tidak bekerja. Sebanyak 100 orang responden telah diberikan borang soal kaji selidik ini. Ia dijalankan di perhentian bas Bandaraya Johor Bahru. Sasaran kajian adalah semua peringkat umur iaitu 13 hingga 25 tahun, 26 hingga 40 tahun dan 41 hingga 60 tahun, semua bangsa dan jantina. Ia bertujuan untuk membuat analisis terhadap tajuk yang dikaji iaitu mencari keberkesanan pengiklanan transit pada badan bas awam sama ada ianya memberi faedah kepada semua peringkat umur atau tidak. Selain itu, melalui soal selidik ini, penulis menganalisis tentang bentuk penyampaian iklan yang